



International Teaching Aid  
**Competition 2023**

Reconnoitering Innovative Ideas in Postnormal Times

**iTAC**

**2023**

**iTAC 2023**  
**INTERNATIONAL TEACHING AID COMPETITION**  
**E-PROCEEDINGS**

Copyright © 2023 is held by the owner/authors(s). These papers are published in their original version without editing the content.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Copy Editors: *Syazliyat Ibrahim, Azni Syafena Andin Salamat, Berlian Nur Morat (Dr.), Najah Mokhtar, Noor 'Izzati Ahmad Shafiai, Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli (Dr.)*

Cover Design : *Asrol Hasan*

Layout : *Nurina Anis Mohd Zamri*

eISBN : 978-967-2948-51-3

Published by : Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,  
08400 Merbok,  
Kedah,  
Malaysia.

## **PREFACE**

iTAC or International Teaching Aid Competition 2023 was a venue for academicians, researchers, industries, junior and young inventors to showcase their innovative ideas not only in the teaching and learning sphere but also in other numerous disciplines of study. This competition was organised by the Special Interest Group, Public Interest Centre of Excellence (SIG PICE) UiTM Kedah Branch, Malaysia. Its main aim was to promote the production of innovative ideas among academicians, students and also the public at large.

In accordance with the theme "Reconnoitering Innovative Ideas in Post-normal Times", the development of novel ideas from the perspectives of interdisciplinary innovations is more compelling today, especially in the post-covid 19 times. Post-pandemic initiatives are the most relevant in the current world to adapt to new ways of doing things and all these surely require networking and collaboration. Rising to the occasion, iTAC 2023 has managed to attract more than 267 participations for all categories. The staggering number of submissions has proven the relevance of this competition to the academic world and beyond in urging the culture of innovating ideas.

iTAC 2023 committee would like to thank all creative participants for showcasing their innovative ideas with us. As expected in any competition, there will be those who win and those who lose. Congratulations to all the award recipients (Diamond, Gold, Silver and Bronze) for their winning entries. Those who did not make the cut this year can always improve and join us again later.

It is hoped that iTAC 2023 has been a worthy platform for all participating innovators who have shown ingenious efforts in their products and ideas. This compilation of extended abstracts published as iTAC 2023 E-Proceedings contains insights into what current researchers, both experienced and novice, find important and relevant in the post-normal times.

Best regards,

**iTAC 2023 Committee**  
**Special Interest Group, Public Interest Centre of Excellence (SIG PICE)**  
**UiTM Kedah Branch**  
**Malaysia**

**TABLE OF CONTENTS:-**  
**iTAC 2023 e-Proceedings**

<b>NO.</b>	<b>TITLE</b>	<b>PAGE</b>
1.	<b><i>POETRY OUT LOUD: FOSTERING ESL LEARNERS PUBLIC SPEAKING SKILL</i></b> <i>Sharina Saad, Rafidah Amat, Razanawati Nordin, Asrol Hasan, Alia Nabella Fateha Zolkifli</i>	<b>22</b>
2.	<b><i>KERTAS KERJA INFOGRAFIK IDA102</i></b> <i>Siti Fairuz Sujak, Suzilla Jamari, Rohaya Sulaiman, Noraishah P. Othman</i>	<b>36</b>
3.	<b><i>AN INTERACTIVE WAY OF READING AND PLAYING VIDEO GAMES THROUGH 'READ AND PLAY'</i></b> <i>Izzatul Hasanah Mohd Rosli, Afifah Fadhlullah</i>	<b>43</b>
4.	<b><i>MOBILE ENERGY SAVER</i></b> <i>Md Nasser Bin Samsudin, Nur Azni Binti Mat Nawi, Noor Zanariah Binti Md Zain</i>	<b>49</b>
5.	<b><i>LET'S SPEAK</i></b> <i>Kimberley Lau Yih Long, Christine Jacqueline Runggol, Jacqueline Susan anak Rijeng, Michael Tiong Hock Bing</i>	<b>53</b>
6.	<b><i>ROLE PLAY: THE USAGE OF DOLLS IN IMPROVING THE SELF-CARE SKILLS AMONG AUTISM SPECTRUM DISORDER INDIVIDUALS WITH SEXUAL BEHAVIOUR PROBLEMS</i></b> <i>Mohd Yusof Zulkefli, Ireena Nasiha Ibnu, Shazleen Mohamed, Hamizah Sahharon</i>	<b>59</b>
7.	<b><i>"HAHAHA TECHNIQUE": AN EASY WAY TO WRITE A PRESS RELEASE</i></b> <i>Abdul Hamid Saifuddin, Mohd Yusof Zulkefli, Wardatul Hayat Adnan</i>	<b>64</b>
8.	<b><i>MASTERING BUSINESS ANALYTICS AND FINANCIAL MODELLING: A MOOC COURSE BUILT ON GAGNE'S MODEL FOR OPTIMAL ONLINE LEARNING</i></b> <i>Mohd Shafiz Saharan, Dr. Hasroleffendy Hassan, Dr. Chaleeda Som Sak, Fauziah Mohamad Yunus, Roseamilda Mansor, Nabila Ahmad</i>	<b>68</b>
9.	<b><i>STUDENT'S PERCEPTION OF MOOC EXPERIENCE IN FLUID POWER TECHNOLOGY CLASS</i></b> <i>Norhanifah Binti Abdul Rahman, Mohamad Zamin Bin Mohamad Jusoh, Nur</i>	<b>73</b>

## KERTAS KERJA INFOGRAFIK IDA102

Siti Fairuz Sujak  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor  
Kampus Pasir Gudang, 81750 Masai, Johor, Malaysia  
[sitifairuzsujak@uitm.edu.my](mailto:sitifairuzsujak@uitm.edu.my)

Suzilla Jamari  
Jabatan Bahasa Inggeris dan Linguistik  
Pusat Pengajian Bahasa  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
[suzilla@uthm.edu.my](mailto:suzilla@uthm.edu.my)

Rohaya Sulaiman  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor  
Kampus Pasir Gudang, 81750 Masai, Johor, Malaysia  
[rohaya@uitm.edu.my](mailto:rohaya@uitm.edu.my)

Noraishah P.Othman  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor  
Kampus Pasir Gudang, 81750 Masai, Johor, Malaysia  
[aishah3962@uitm.edu.my](mailto:aishah3962@uitm.edu.my)

### ABSTRACT

Kursus Manusia dan Agama (IDA102) merupakan subjek wajib yang diambil oleh pelajar non-semester satu di UiTM seluruh sistem. Antara hasil pembelajaran kursus yang ingin dicapai melalui subjek ini adalah para pelajar mampu menghasilkan satu laporan kertas kerja mengenai keperluan, kepercayaan, amalan beragama dan isu-isu kontemporari berkaitan perbandingan agama Islam dan Kristian. Terdapat beberapa kelemahan dikenalpasti apabila kertas kerja yang dihasilkan pelajar menggunakan Microsoft Word biasa antaranya kertas kerja tersebut tidak memenuhi rubrik pemarkahan yang ditetapkan, para pelajar sukar menganalisa fakta dengan tepat, info berunsur falsafah, tidak menarik serta membosankan. Ini dibuktikan melalui semakan peratusan plagiat yang tinggi dan tugas yang dihasilkan tidak berkualiti. Melalui idea kertas kerja IDA102 secara digital ini, platform penulisan kertas kerja ditukar dalam bentuk infografik dan informatif menggunakan perisian *Canva*. Objektif inovasi ini adalah bagi memandu pelajar membuat tugas secara sistematik dan merangsang mereka membuat rumusan sendiri berdasarkan ilmu pengetahuan, bahan bacaan dan penyelidikan yang dijalankan. Bagi menyerlahkan kreativiti pelajar, elemen grafik, animasi, video, imej, peta minda dan hiasan yang sesuai boleh dimasukkan bertujuan untuk menarik minat dan meningkatkan kefahaman pelajar. Inovasi ini memberi impak yang sangat besar kepada pelajar, pensyarah dan masyarakat kerana hasil maklumbalas dari pelajar mendapati, berbanding penulisan kertaskerja tradisional biasa mereka kini sangat seronok membuat kertaskerja kerana konsep membudayakan ilmu di mana sahaja pada bila-

bila masa dapat direalisasikan selagi mana aplikasi *Canva* ada di telefon pintar mereka. Pelajar juga bermotivasi tinggi untuk melakukan tugas kerana berpeluang membangunkan keupayaan diri mereka sendiri untuk berfikir secara kritis dan kreatif walaupun secara santai tetapi sampai.

**Katakunci:** Penilaian, kertas kerja, IDA102 Manusia dan Agama, infografik

## PENGENALAN

Bagi melahirkan warganegara berbilang kaum dan agama di Malaysia yang berilmu pengetahuan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) memberi penekanan kepada satu usaha berterusan dalam pendidikan untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan agama (Syahirah 2022).

Bermula dari peringkat sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan pendidikan moral sebagai mata pelajaran teras dan wajib diambil oleh pelajar bukan Muslim dalam memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Matlamat subjek ini diwujudkan adalah bagi membentuk insan berakhlak mulia, bertanggungjawab, boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global (Pusat Perkembangan Kurikulum 2000). Antara ilmu yang diterapkan adalah mengenai menghormati doktrin kepercayaan dan amalan pelbagai agama, cara hidup, cara beribadat, upacara keagamaan, menghormati tempat beribadat serta kaedah menolak prejudis dan provokasi yang boleh mengancam keharmonian dan keamanan di Malaysia (Kamarudin & Yang Marya 2016).

Usaha perpaduan kaum ini diteruskan lagi di peringkat institusi pengajian tinggi. Di Universiti Teknologi Mara (UiTM) misalnya, subjek IDA102 (Manusia dan Agama) Kursus Manusia dan Agama (IDA102) wajib diambil oleh pelajar semester satu non-muslim yang kebanyakannya Bumiputera dari Sabah, Sarawak yang menganut agama Kristian serta Orang Asli di semenanjung Malaysia yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan (*Ateisme*). Untuk lulus dalam subjek ini, penilaian kursus dinilai dari segi ujian akhir (40%), pembentangan (20%) dan satu laporan kertaskerja (40%) mengenai keperluan agama, kepercayaan dan amalan beragama serta isu-isu kontemporari (<https://aims.uitm.edu.my/curriculum>) terutamanya dalam agama Islam dan Kristian untuk lulus dalam subjek ini. Laporan kertas kerja pelajar ini adalah dalam bentuk penulisan menggunakan Microsoft Word.

Berdasarkan hasil kerja kertas pelajar semesta terdahulu, terdapat beberapa kelemahan dikenalpasti apabila kertas kerja yang dihasilkan pelajar menggunakan Microsoft Word biasa seterusnya menyebabkan kertas kerja yang dihantar untuk penilaian didapati kurang berkualiti,

tidak memenuhi kriteria rubrik pemarkahan yang ditetapkan dan ini memberi kesan kepada markah keseluruhan pelajar. Ini kerana, kandungan kursus ini melibatkan unsur pemikiran dan falsafah yang agak berat serta memerlukan pemahaman yang tinggi. Ini menyukarkan pelajar apabila diminta untuk mengkaji dan menganalisa sedikit ilmu perbandingan agama Islam dan Kristian.

Kaedah penulisan kertas kerja menggunakan Microsoft Word biasa yang memerlukan pelajar membuat karangan juga didapati tidak menarik dan membosankan. Ini menyebabkan pelajar cenderung untuk salin dan tampal (*copy paste*) di internet. Keadaan ini menjejaskan integriti pelajar apabila tugas dilakukan secara cincai asalkan mendapat markah dengan cara yang mudah. Ini dibuktikan melalui semakan peratusan plagiat yang tinggi dan tugas yang dihasilkan tidak berkualiti.

### **INFOGRAFIK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)**

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah medium terbaik dalam perkembangan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Bagi memastikan momentum penyebaran ilmu terhadap para pelajar tercapai selaras dengan perkembangan teknologi terkini, kaedah (PdP) perlu ditransformasikan seiring arus globalisasi. (Mohd Maziz Al-Hadi et al. 2021). Transformasi pembelajaran pasif kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang aktif untuk memberikan nilai dan kualiti dalam penerapan ilmu kepada pelajar. Ia berjaya merangsang pelajar untuk mengaktifkan pengetahuan sedia ada dan dihubungkaitkan dengan pengetahuan baharu. Melalui pembelajaran secara aktif, para pensyarah bertindak sebagai mediator dan pelajar diberi peluang untuk meneroka sendiri ilmu pengetahuan tersebut melalui pembacaan pelbagai jenis sumber seperti buku, majalah, artikel, jurnal, kajian penyelidikan, tesis dan website yang berautoriti. Pelajar dilatih untuk merumuskan dapatan kajian dan mempersembhkannya berbentuk multimedia seperti internet dan pelbagai aplikasi pendidikan contohnya membuat kertas kerja dalam format infografik.

Infografik berasal dari ungkapan dua perkataan asal bahasa Inggeris iaitu information (maklumat) dan graphic (grafik). Gabungan perkataan infografik membawa maksud gambaran persembahan tentang sesuatu informasi atau data. Melalui infografik, maklumat atau data yang kompleks dapat dipaparkan melalui satu bentuk visual dengan menggabungkan unsur-unsur seperti bentuk, simbol, grafik, gambar, ilustrasi dan teks (Ozdamli & Omdal, 2018). Maklumat yang dipaparkan menerusi infografik juga dapat dipersembahkan kepada pembaca dengan cepat dan mudah agar difahami dengan baik (Alif 2020).

Isi kandungan dalam infografik terdiri daripada beberapa jumlah maklumat yang optimum, disusun atur dengan baik dan kombinasi warna yang menarik dan sesuai. Penggunaan infografik turut mempunyai reka bentuk infografik yang jelas, menarik dan ringkas, mudah dilihat, difahami dan mudah untuk disebar dan dikongsikan di internet dengan lebih pantas berbanding dengan maklumat atau kandungan yang bercetak. Malah, penyampaian menerusi infografik lebih mudah difahami kerana otak manusia berdasarkan hasil penyelidikan didapati

mampu memproses data visual lebih pantas 60000 kali berbanding teks (Alif 2020).


Infografik semakin mendapat perhatian dalam khalayak manusia pada setiap peringkat terutamanya di media sosial seperti Twitter, Facebook, Instagram, blog, laman sesawang, WhatsApp, Telegram, Line dan sebagainya. Penggunaan infografik dilihat semakin diminati berpunca daripada ciri-ciri persembahan teksnya yang menarik, ringkas dan mudah dibaca dan sifatnya yang bermaklumat (informative) dan mempunyai elemen memujuk (persuasive) (Alif 2020). Antara aplikasi pembangunan infografik yang popular dan percuma adalah seperti Microsoft Power Point, Powtoon dan Canva.

## OBJEKTIF

Berdasarkan kepada perkembangan dan inovasi dalam infografik, maka kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang potensi penggunaan infografik dalam aplikasi *Canva* sebagai medium penyampai maklumat efektif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dalam inovasi ini, penyelidik memilih aplikasi *Canva* kerana mempunyai pelbagai template yang menarik dan percuma. Objektif inovasi kertas kerja infografik menggunakan *Canva* ini ialah:

1. Memandu pelajar membuat tugas secara sistematik
2. Merangsang pelajar membuat melakukan kajian, menganalisa dan membuat rumusan sendiri berdasarkan ilmu pengetahuan, bahan bacaan dan penyelidikan yang dijalankan.
3. Meningkatkan kreativiti pelajar dengan membenarkan pelajar memasukkan elemen grafik, animasi, video, imej, peta minda dan hiasan yang sesuai dalam kertaskerja yang dihasilkan.

## KERTAS KERJA INFOGRAFIK IDA102



Rajah 1. Muka hadapan kertas kerja

Kertas kerja ini dibahagikan mengikut 4 tajuk kecil iaitu My Amazing Body, Oh My God (OMG), Amalan dari Perspektif Agama dan Sains serta Kisah Nilai Murni dalam al-Kitab





**Rajah 2.** Paparan tajuk pertama: My Amazing Body

Berdasarkan pengalaman peribadi, pelajar diminta untuk memilih satu reaksi dalam tubuh badan yang paling tidak disukai seperti demam, selsema, pening kepala dan lain-lain. Pelajar perlu mencari informasi tentang definisi, punca dan hikmah tersembunyi dari segi saintifik mengapa kesakitan itu berlaku. Tugas ini melatih pelajar untuk sentiasa bersyukur, berbaik sangka dengan Tuhan dan positif dalam menghadapi ujian dalam kehidupan.



**Rajah 3.** Paparan tajuk kedua: Oh My God (OMG)

Menerusi tajuk ini, pelajar diminta untuk menerangkan tentang agama khususnya kepada mazhab anutan masing-masing. Pelajar perlu menerangkan tentang sejarah, konsep asas kepercayaan serta suruhan dan larangan dalam agama. Tugas ini dilakukan bagi meningkatkan kefahaman agama dalam diri pelajar itu sendiri. Pada masa yang sama memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi informasi tentang agama mereka kepada pelajar lain bagi meningkatkan toleransi dan menghormati agama anutan orang lain.



**Rajah 4.** Paparan tajuk ketiga: Amalan dari Perspektif Agama dan Sains

Di dalam agama Islam dan Kristian terdapat persamaan dalam sebahagian ritual, suruhan dan larangan daripada Tuhan kepada penganutnya walaupun cara perlaksanaannya berbeza. Menerusi tajuk ini pelajar perlu menganalisa suruhan dan larangan tersebut berdasarkan 5 elemen dalam Maqasid Syariah (Objektif Syariah) iaitu agama, nyawa, maruah, akal dan harta. Aktiviti meningkatkan motivasi pelajar untuk beramal dengan agama setelah mengetahui hikmah dari segi saintifik kerana perintah suruhan dan larangan itu sebenarnya merupakan kasih sayang Tuhan kepada hambanya yang beriman



**Rajah 5.** Paparan tajuk keempat: Kisah Nilai Murni dalam Kitab

Dalam tajuk ini, pelajar diminta untuk mencari kisah nilai murni dalam kitab yang boleh menjadi teladan dalam menghadapi cabaran hidup beragama pada zaman kini.

## KESIMPULAN

Berbanding penulisan kertaskerja biasa, inovasi kertas kerja infografik IDA102 ini memberikan impak yang signifikan kepada pelajar dan pensyarah. Konsep pembudayaan ilmu di mana-mana pada bila-bila masa dapat direalisasikan selagi mana aplikasi Canva ada di telefon pintar mereka. Selain itu, pelajar juga merasa bermotivasi tinggi untuk melakukan tugas kerana mereka mempunyai peluang untuk membangunkan keupayaan diri dalam berfikir secara kritis dan kreatif serta memberikan hasil yang berkualiti dan memuaskan.

## RUJUKAN

- Aliff Nawi, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Chua Chy Ren & Ahmad Sahidah. (2020). Potensi Infografik dalam Menangani Persepsi Negatif Netizen Terhadap Institusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. Jilid 37(1) 2020: 274-294. E-ISSN: 2289-1528 274. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3701-16>
- Kamarudin Salleh & Yang Marya Abd Khahar. (2016). Unsur-unsur Persefahaman antara Agama dalam Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral Elements of Inter-Religious Understanding in Islamic and Moral Education Curriculum. *ISLAMIYYAT* 38(2) 2016: 111 - 120 (<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2016-3802-03>)
- Mohd Maziz Al-Hadi Moharam, Saifulazry Mokhtar & Kasoma Thia. (2021). Pendekatan Kaedah Interaktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Abad Ke-21 Di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kinabalu. 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD)
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2000. Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Syahirah Rosli, Siti Fairuz Mahmud & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Mengintegrasikan Falsafah

Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. Jurnal Dunia Pendidikan. e-ISSN: 2682-826X | Vol. 4, No. 1,86-103, 2022.  
<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>



e-proceedings

International Teaching Aid  
**Competition 2023**

Reconnoitering Innovative Ideas in Postnormal Times

**iTAC** **2023**

e ISBN 978-967-2948-51-3



9 789672 948513